



MEMO PERINGATAN BERKAITAN KAEDAH BAHARU BAYARAN YURAN PELAJAR KE AKAUN PACE UUM

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera pelajar yang dihormati,

Adalah dimaklumkan bahawa masih terdapat pelajar yang membuat bayaran yuran pengajian ke akaun Bendahari UUM atau UUM (Biller) meskipun manual panduan berkaitan kaedah baharu bayaran yuran pelajar ke akaun PACE UUM telah dihebahkan sebelum ini.

Sehubungan itu, **kepada semua pelajar PJJ PACE UUM** adalah diingatkan bahawa bermula pada tahun 2022 ini, bayaran yuran pengajian **perlu dibuat terus ke akaun PACE UUM (Biller)** dan **tidak lagi dibayar ke akaun Bendahari UUM atau UUM (Biller)** berikutan pihak PACE UUM telah diberikan vito oleh pihak universiti untuk menguruskan hal ehwal kewangan pelajar PJJ PACE UUM tanpa perlu bergantung dengan pihak Bendahari UUM sepenuhnya bermula pada awal tahun 2022. Bersama ini, dilampirkan semula manual panduan berkaitan kaedah baharu bayaran yuran pelajar ke akaun PACE UUM untuk perhatian dan rujukan semua pelajar.

Bagi pelajar yang telah membuat bayaran ke akaun Bendahari UUM atau UUM pada tahun 2021 sehingga awal bulan Januari 2022, adalah dinasihatkan untuk menyimpan salinan resit sebagai bukti pembayaran. Salinan resit bayaran juga perlu dihantar melalui emel Unit Kewangan & Pengurusan Kredit (kewanganpace@gmail.com) untuk semakan pihak PACE UUM. **Pihak PACE UUM tidak akan bertanggungjawab untuk pengemaskinian bayaran sekiranya pelajar masih membuat bayaran ke akaun Bendahari UUM atau UUM bermula 11 Januari 2022.** Jika terdapat sebarang pertanyaan, pelajar boleh *whatsapp* Unit Kewangan & Pengurusan Kredit di talian **019-590 8547** atau **hubungi telefon pejabat di talian 04-928 4626/4644** pada **hari Ahad - Rabu bermula jam 8 pagi - 5 petang** dan **hari Khamis bermula jam 8 pagi - 3.30 petang sahaja.**

Kerjasama dan perhatian semua pelajar berhubung perkara ini amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"KEDAH SEJAHTERA - NIKMAT UNTUK SEMUA"

"ILMU BUDI BAKTI"




Unit Kewangan & Pengurusan Kredit
Pusat Pendidikan Profesional & Lanjutan (PACE)
Universiti Utara Malaysia



YURAN PELAJAR

PERHATIAN KEPADA PELAJAR BARU:

- ❖ Sebelum pendaftaran :
 - ✓ Pelajar dikehendaki membayar **YURAN PENDAHULUAN** berjumlah **RM583**.
(yuran pendaftaran RM300 + yuran perkhidmatan RM83 + pendahuluan yuran pengajian RM200)
 - ✓ **YURAN PROSES (RM100)** dibayar ke akaun **Bank Islam: 02093010007784 (Uniutama Education & Consultancy)**
 - ✓ **Resit perlu disimpan** selepas bayaran dibuat sebagai bukti bayaran dan simpanan pelajar.
- ❖ Baki **YURAN PENGAJIAN** boleh dibayar sebelum pendaftaran atau secara ansuran dalam tempoh pengajian semester tersebut.

KAEDAH PEMBAYARAN YURAN

<p>Bayaran di kaunter Bank Islam</p>	<p>(i) Isi borang deposit tunai. (ii) No akaun: masukkan no matrik pelajar. (iii) Bayar kepada: PACE UUM. (iv) Jenis bayaran: Yuran Pengajian. (v) Simpan resit bayaran.</p>	
<p>Bayaran secara atas talian (online banking)</p>	<p>BANK ISLAM ONLINE Step 1: Pilih Payments/Services dan pilih BILLS PRESENTMENT. Step 2: Masukkan Nombor No. Kad Pengenalan/Passport. Step 3: Pilih Biller PACE UUM (YRN/HTG). Step 4: Klik "Pay" dan simpan bukti bayaran.</p>	
<p>Bayaran melalui JOMPAY</p>	<p>Bank Islam Step 1: Pilih JOMPAY. Step 2: Pilih Account dan masukkan Akaun. Step 3: Pilih Open Biller. Step 4: Masukkan Kod Biller, Ref-1 dan Ref-2. Tujuan: BAYARAN YURAN PENGAJIAN/KONVOKESYEN Biller Code: 164210 Ref-1: No. Matrik Ref-2: No. Kad Pengenalan Tujuan: BAYARAN YURAN PENDAHULUAN (RM583) Biller Code: 153270 Ref-1: No. Matrik Ref-2: No. Kad Pengenalan Step 5: Klik "Validate"> "Add to List" dan "Pay". Simpan bukti bayaran</p>	
	<p>Maybank2U Step 1: Pilih Pay>Pay To>JomPAY. Step 2: Masukkan "Biller Code" dan tekan ENTER. Step 3: Masukkan Kod Biller, Ref-1 dan Ref-2. Tujuan: BAYARAN YURAN PENGAJIAN/KONVOKESYEN Biller Code: 164210 Ref-1: No. Matrik Ref-2: No. Kad Pengenalan</p>	

	<p>Tujuan: BAYARAN YURAN PENDAHULUAN (RM583) Biller Code: 153270 Ref-1: No. Matrik Ref-2: No. Kad Pengenalan Step 4: Klik “Pay”. Simpan bukti bayaran.</p>	
	<p>CIMB Clicks Step 1: Pilih Pay & Transfer>JomPAY. Step 2: Masukkan “Biller Code” dan tekan ENTER. Step 3: Masukkan Kod Biller, Ref-1 dan Ref-2. Tujuan: BAYARAN YURAN PENGAJIAN/KONVOKESYEN Biller Code: 164210 Ref-1: No. Matrik Ref-2: No. Kad Pengenalan Tujuan: BAYARAN YURAN PENDAHULUAN (RM583) Biller Code: 153270 Ref-1: No. Matrik Ref-2: No. Kad Pengenalan Step 4: Pilih Akaun. Step 5: Klik “Yes” dan “Make Payment”. Simpan bukti bayaran.</p>	
<p>Bayaran melalui ATM transfer</p>	<ul style="list-style-type: none"> (i) Masukkan kad ATM dan pilih Bahasa. (ii) Masukkan No. Pin. (iii) Pilih Bank Islam. (iv) Pilih lain-lain. (v) Pilih Pembayaran bil & yuran IPT/Yuran IPT/Bill Presentment. (vi) Masukkan no kad pengenalan. (vii) Pilih: PACE UUM YRN/HTG. (viii) Simpan resit untuk rujukan. 	
<p>Bayaran melalui CDM</p>	<ul style="list-style-type: none"> (i) Tekan mana-mana butang. (ii) Pilih bahasa. (iii) Pilih Yuran IPT/Bill Presentment. (iv) Masukkan no kad pengenalan. (v) Pilih: PACE UUM YRN/HTG. (vi) Teruskan arahan hingga tamat. (vii) Simpan resit untuk rujukan. 	